

METAFORA MELAYU: CERMINAN EMOSI, PEMIKIRAN DAN JATI DIRI BANGSA

Dr. Rozaimah Rashidin

Ketua Pusat Pengajian Bahasa Melayu (Bahasa Melayu Komunikasi Profesional)

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA

Shah Alam, Selangor

PENGENALAN


- Metafora, kiasan atau idiom sering digunakan dalam komunikasi atau aktiviti berbahasa sama ada secara lisan atau tulisan untuk menyampaikan makna implisit (tersirat) di sebalik penyampaian makna secara literal (tersurat).
- Metafora berasal daripada kata Greek, “metaphora” yang bererti “memindahkan”, iaitu meta “di atas” dan phrein “membawa” (Hawkers. T, 1972).
- Makna tersirat yang terkandung dalam metafora menjadikan bahasa Melayu itu sangat istimewa. Ungkapan metafora seperti peribahasa, pantun dan pelbagai lagi memerlukan penelitian yang mendalam untuk mentafsirnya bagi mendapatkan makna sebenar yang cuba disampaikan. (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

- Swettenham (1895, 2016) telah memerihalkan orang Melayu sebagai manusia yang petah bercakap, berkata-kata dengan kiasan dan ibarat, suka menggunakan peribahasa dan kata-kata pujangga, suka melawak dan sangat gemar dengan jenaka. Ini menunjukkan bahawa, masyarakat Melayu sering menggunakan metafora dalam komunikasi mereka sejak dahulu lagi dan kemahiran menggunakan metafora dan memahaminya perlu diteruskan oleh generasi kini sebagai cerminan emosi, pemikiran dan jati diri bangsa.
- Kertas kerja ini membincangkan penggunaan metafora serta makna metafora, khususnya dalam bahasa Melayu yang dipaparkan dalam teks tradisional Melayu, karya tokoh Melayu tersohor, gurindam, pantun dan data korpus kontemporari.
- Analisis dan perbincangan berlandaskan ilmu semantik (kajian makna), pragmatik (kajian makna berdasarkan konteks penggunaannya) dan linguistik kognitif (pendekatan kajian terhadap bahasa yang berkaitan erat dengan mekanisme kognitif manusia dan berdasarkan pengalaman badaniah).
- Proses penginterpretasian makna dalam kognisi manusia seharusnya melibatkan proses pemetaan dua domain (domain konkrit dan domain abstrak) serta proses membuat andaian dan kesimpulan secara pragmatik.

METAFORA MELAYU

- Za'ba (2003) mentakrifkan metafora Melayu sebagai peribahasa yang menyebutkan sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada sesuatu perkara lain dan mempunyai makna dua lapis.
- Makna lapisan pertama mengadungi makna yang harfiah, manakala makna dilapisan kedua membawa makna metafora.
- Dengan kata lain, metafora merujuk kepada pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan atau sebagai perbandingan dan kiasan.

- Proses mental yang asas dalam pembentukan metafora Melayu ialah proses analogi atau perbandingan dan perumpamaan (Hassan Ahmad, 20017).
- Metafora daripada perspektif linguistik kognitif boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu metafora konvensional dan metafora linguistik.
- Proses pemetaan dua domain atau pemetaan projeksi semasa pembinaan dan pemahaman makna metafora ini menghasilkan metafora konseptual.



Metafora Konvensional

- Metafora konvensional dalam konteks Melayu merujuk kepada beberapa jenis, seperti metafora yang dibina melalui perumpamaan atau perbandingan, analogi, simpulan bahasa, peribahasa, pepatah, bahasa kiasan dan sindiran, bidalan, tamsil, ibarat, metonimi serta personifikasi.
- Metafora konvensional ini biasanya telah didokumentasikan secara rasmi melalui kamus yang berwibawa dan diguna pakai secara meluas oleh penutur bahasa tersebut.
- Metafora konvensional juga dikenali sebagai metafora mati (*dead metaphor*) kerana bentuk dan fungsinya telah tetap dan telah diterima dan digunakan secara meluas oleh pengguna sesuatu bahasa itu.

Metafora Linguistik

- Metafora linguistik pula adalah ekspresi linguistik yang melibatkan ujaran, ayat, frasa atau kata yang bersifat metaforikal.

Metafora Konseptual

- Metafora konseptual adalah satu bentuk mekanisme kognitif yang digunakan oleh manusia untuk mengkonsepsikan dan memahami entiti abstrak melalui sesuatu yang konkrit. Entiti konkrit ini biasanya dijadikan domain sumber untuk memahami entiti abstrak yang dikenali sebagai domain sasaran.
- Proses pemetaan dua domain atau pemetaan projeksi dari domain sasaran ke domain sumber menggambarkan struktur kognitif yang berlaku dalam minda pemikir Melayu.

METAFORA MELAYU: CERMINAN EMOSI

- Emosi berasal daripada perkataan Latin *emovere* yang bermaksud bergerak, kegembiraan dan kegusaran. Leksikal emosi ini digunakan untuk menggambarkan pengalaman subjektif seseorang seperti cinta, marah, suka, resah, tertekan, malu, benci, duka, gembira, tenang dan pelbagai lagi. (Ortony. A, et al.,1988)
- Manusia cenderung memanfaatkan metafora untuk mengekspresikan emosi yang abstrak dan subjektif kerana emosi ini agak sukar untuk difahami melalui bahasa literal.
- Emosi ialah konsep satu yang abstrak, kita tidak dapat melihat bentuk atau rupa emosi yang sebenar. Kita hanya dapat melihat reaksi atau kesan tindak balas daripada emosi tersebut. Sebagai contoh, apabila kita marah, warna wajah akan berubah menjadi kemerah-merahan, mungkin kita akan menangis atau melontarkan suara dengan kuat dan mengherdik.

- Penggunaan metafora dalam penulisan teks tradisional Melayu misalnya telah menimbulkan keindahan bahasa dan memberi nilai estetika yang tinggi dalam sesebuah teks sebagai medium untuk menyalurkan pemikiran, kekreatifan dan kepintaran masyarakat Melayu oleh pengarang teks tersebut.
- Pengarang teks tradisional Melayu tidak menonjolkan emosi secara terang-terangan tetapi secara tersirat menerusi ungkapan-ungkapan atau leksikal yang menjurus kepada perlambangan emosi.
- Jelas di sini bahawa, metafora bukan sahaja dianggap sebagai bunga-bunga bahasa, tetapi merupakan salah satu cara pemikiran atau saluran menyampaikan maklumat, makna atau maksud secara tersirat yang mencerminkan emosi pengguna bahasa.

Emosi CINTA (*Hikayat Merong Mahawangsa*)

- Muhammad Haji Salleh (2007) telah menyatakan bahawa perasaan cinta, kasih dan sayang orang Melayu sangat subur dan kaya penggunaannya serta bersifat imaginatif.

(1a) MW 17:19 tuan puteri, dibawa oleh mak inang. Serta dilihat oleh tuan puteri akan anak Raja Rum, maka ia pun tunduk kemalu-maluan rupanya akan anak Raja Rum itu. Maka anak Raja Rum itu pun *jatuhlah hatinya*, jadi tiadalah takut keduanya itu akan burung geroda itu. Maka apakala hari hampir petang pada ketika burung geroda itu akan kembali maka keduanya itu pun ...

Metafora Konseptual:


**CINTA ADALAH SEBUAH BEKAS
CINTA ADALAH DAYA**

(1b) MW 41:1 ... Raja Seri Mahawangsa tinggal di negeri Kedah kerana rupanya terlalu amat baik parasnya, lagi tubuhnya putih kuning, rendah montel sifat tubuhnya. Tiba-tiba *datanglah gemar pada hati anak Raja Seri Mahawangsa* itu akan dia, hendak dijadikan isterinya. Maka oleh Raja Seri Mahawangsa beberapa ditegahkan anakanda baginda itu daripada beristeri akan budak ...

Metafora Konseptual:

**CINTA ADALAH ENTITI YANG
BOLEH DATANG DAN PERGI**

Emosi MARAH (*Hikayat Hang Tuah*)



Domain Sumber	Domain Sasaran
<i>api bernyala-nyala</i>	MERAH
<i>perhambat seperti kawan kambing</i>	MERAH
<i>harimau yang galak</i>	MERAH
<i>kerisnya bernyala-nyala seperti gunung api hendak membakar</i>	MERAH

- Berdasarkan contoh data di atas, sifat- sifat api yang panas, haiwan kambing dan harimau yang galak serta haiwan menyambar seperti burung sewah (helang) yang agresif merupakan entiti konkrit yang boleh kita lihat menggunakan deria penglihatan, sentuh dan dengar dikonseptualkan sebagai domain sumber.
- Proses pemetaan domain sumber (entiti konkrit) dan domain sasaran (entiti abstrak) data-data yang dipaparkan menghasilkan metafora konseptual yang mengkonsepkan emosi marah sebagai **MERAH ADALAH API**, **MERAH ADALAH KELAKUAN HAIWAN** dan **MERAH ADALAH KELAKUAN HAIWAN YANG AGRESIF**.

METAFORA MELAYU: CERMINAN PEMIKIRAN

- Hassan Ahmad (2017) berpendapat bahawa manusia memang biasa berfikir atau melihat sesuatu melalui proses mental yang dikenali sebagai proses perumpamaan atau perbandingan. Proses ini juga dikenali sebagai kaedah analogi.
- Dalam sistem pemikiran Melayu, kaedah analogi ini sering digunakan untuk membentuk konsep yang abstrak dengan menggunakan kata- kata yang merujuk kepada benda atau nama yang diambil dari alam nyata sebagai bahan analogi.
- Secara tidak langsung kaedah ini telah memancarkan pemikiran, akal budi dan kebijaksanaan bangsa Melayu dalam kemahiran berbahasa. Sehubungan dengan itu, kaedah analogi boleh dikaitkan dengan sebagai contoh kewujudan dan fungsi pantun dalam masyarakat Melayu, pemikiran penulis tersohor dan pemikiran penulis lirik lagu.

Pantun peribahasa, kiasan dan ibarat

Aceh bersunting bunga sena,
Pergi ke rumah Cik Siti;
*Kasih tuan sudah sempurna,
Bagai hempedu lekat di hati.*

Anak beruk turun ke tanah,
Hendak mencari buah pisang;
*Banyak pokok tumbuh di tanah,
Dedalu api tumbuh di batang.*

Anak burung terbang perlahan,
Hinggap mari di ranting kayu;
*Kalau beli buah setandan,
Tentu bercampur masak dan layu.*

Sumber: *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*, 2007

Fungsi pantun: **Ekspresi rasa kasih dan sayang**

Metafora konseptual:

KASIH/SAYANG ADALAH IKATAN

KASIH/SAYANG ADALAH OBJEK YANG SALING MELENGKAPI

Fungsi pantun: **Sindiran**

Metafora konseptual: **SIFAT AMBIL KESEMPATAN ADALAH KEMUSNAHAN**

Fungsi pantun: **Peringatan**

Metafora konseptual: **KETIDAKSEMPURNAAN ADALAH KITARAN**

HAMKA buku *Falsafah Hidup* (1939, 2019)

- Pengintepretasian makna metafora AKAL, KEHIDUPAN dan FIKIRAN.
- Sebagai contoh, *memelihara hidup, pikirannya terbuka, akal bertambah, tenunan hidup* merupakan contoh bentuk metafora linguistik yang terdapat dalam *buku Falsafah Hidup*.

AKAL ADALAH TATATINGKAT DI ATAS

AKAL ADALAH TATATINGKAT DI BAWAH

AKAL ADALAH UKURAN YANG BERTAMBAH

AKAL ADALAH ENTITI YANG DITIMBANG

AKAL ADALAH PENGHUBUNG

AKAL ADALAH PERJALANAN

AKAL ADALAH DAYA

AKAL ADALAH PERGERAKAN

AKAL ADALAH ALAT

AKAL ADALAH OBJEK YANG TAJAM

AKAL ADALAH OBJEK YANG BOLEH DITIMBANG

AKAL ADALAH ENTITI YANG BOLEH DIROSAKKAN

AKAL ADALAH KUASA

Juara AJL 35 – Lirik lagu GILA

- Pemikiran kreatif penulis lirik lagu, nilai estetika yang tinggi.
- ***gila terkurung*** – GILA ADALAH BEKAS
- ***Jiwanya terkurung*** – JIWA ADALAH BEKAS
- ***minda ku tak terbuka*** – MINDA ADALAH BEKAS
- ***menanggung sepiku*** – PENDERITAAN ADALAH DAYA
- ***penuh dengan penipu dusta*** – PEMBOHONGAN ADALAH BEKAS
- ***aku takut aku jatuh*** – KETAKUTAN ADALAH TATATINGKAT DI BAWAH

*Nandung-nandung lagu kampung
Angin sayu awan mendung
Tenang-tenang oh termenung
Namun jiwanya terkurung*

*Gila gila gila gila gila
Gila gila gila gila gila*

*Gila terkurung terlalu lama
Minda ku tak terbuka*

*Rasa diriku sengsara menanggung sepiku di dunia
Dunia yang nyata ternyata
Penuh dengan penipu dusta*

*Hati ingin rasa sangat nak keluar
Ya baru nak mula tapi jantung berdebar
Aku takut aku jatuh aku sangat takut
Walau jatuh aku tempuh aku rempuh*

*Ramai yang nampak aku gila
Mereka tidak tahu apa yang ku rasa
Takut dengan dunia kerna rasa diri aku ini tak sempurna
Putaran bumi pun aku boleh rasa
Sampai masanya kita jumpa di luar sana*

*Aku laila dan dunia ni majnun
Cintaku bernafas dalam jiwa terkurung
Kepala tak sehati
Hati ku tak sekepala
Yakin ku lupa diri*

METAFORA MELAYU: CERMINAN JATI DIRI

- Jati diri atau *huwiyyah* bermaksud sifat-sifat atau ciri-ciri atau watak asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa tersebut (Ahmad Mohamad Said 2009).
- Jati diri ialah sifat atau ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya dan agama yang menjadi teras dalam membentuk sahsiah dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa. Jati diri juga disebut sebagai identiti yang merujuk kepada identiti diri atau keperibadian diri yang sebenarnya yang dimiliki oleh seseorang, bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya (Wan Muhamad 2010).
- Bangsa yang mempunyai identiti serta jati diri yang kukuh dikatakan sukar menerima pengaruh luar yang bertentangan dengan adab dan budaya bangsa itu. Identiti sesebuah bangsa merupakan kepercayaan, sikap dan pendapat yang tersusun dan dinamik yang dipegang oleh sesuatu bangsa.
- Individu yang mempunyai identiti diri akan memahami secara tidak langsung siapa dirinya dan berhati-hati dalam setiap tindakan dan tingkah lakunya supaya tidak bertentangan dengan agama, budaya dan adat yang menjadi pegangan bangsa dan kaumnya.

JATI DIRI dalam *Tunjuk Ajar Melayu* (Tenas Effendy, 2006)

apa tanda orang Melayu
Islam menjadi kain dan baju (TAM-36)

apa tanda Melayu budiman
Hatinya jujur dibalut iman (TAM-289)

- *kain dan baju* – IMEJ/ PERSONALITI
- *dibalut iman* – PERLINDUNGAN / KAWALAN

JATI DIRI dalam berkomunikasi – Kesantunan Berbahasa

- Awang Sariyan (2007)
- Penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memacarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya.
- Kesantunan bahasa menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun.
- Kesantunan bahasa atau santun berbahasa menjadi amalan kepada bangsa yang berjati diri, memelihara adab dan kesopanan serta bertamadun tinggi.
- Kesantunan memacarkan jati diri penutur bahasa melalui nilai-nilai murni yang positif.

Gurindam 12 (Raja Ali Haji, 1847)

MENGUMPAT

MEMUJI SECARA BERLEBIH-LEBIHAN

BERBOHONG

MENCARUT



Ini gurindam pasal yang keempat:

Apabila dengki sudah bertanah,
datanglah daripadanya beberapa anak panah.

**Mengumpat dan memuji hendaklah pikir,
di situlah banyak orang yang tergelincir.**

Pekerjaan marah jangan dibela,
nanti hilang akal di kepala.

**Jika sedikitpun berbuat bohong,
boleh diumpamakan mulutnya itu pekong.**

Tanda orang yang amat celaka,
aib dirinya tiada ia sangka.

Bakhil jangan diberi singgah,
itupun perampok yang amat gagah.

Barang siapa yang sudah besar,
janganlah kelakuannya membuat kasar.

**Barang siapa perkataan kotor,
mulutnya itu umpama ketur.**

Di mana tahu salah diri,
jika tidak orang lain yang berper.

KONSEP JAGA AIR MUKA

*“Wanita yang menghargai seorang lelaki yang mana itu kekuatan mereka, mereka adalah ketua. Walaubagaimanapun, kaum lelaki itu tetap imam kita. Jadi, anda sebagai seorang wanita, tolong hargai tentang apa yang Allah SWT beri terhadap kepimpinan seorang lelaki. Itu sebab mengapa seorang imam itu daripada seorang lelaki, seorang Nabi juga terdiri daripada kaum lelaki. Itu sebab mengapa kita sebagai seorang wanita tidak perlu sibukkan diri untuk berada atau berdiri sama tahap dengan kaum lelaki. Sibuk dengan berbuat demikian, akibatnya, testoteran meningkat, dan lambat jodoh bagi sesiapa yang belum berkahwin. Sesiapa yang tinggi testoteran, yang selalu sibukkan diri untuk berdikari dan mencapai segalanya, sememangnya bukan pilihan lelaki. Ini kerana lelaki itu gemar seorang perempuan yang lemah lembut, mengharapkan dan seorang yang perlu ditolong. **Jadi, biarlah diri kita ini seperti ‘bodo-bodo’ sedikit.** Oleh itu, sesiapa yang lambat mendapat jodoh perlu melihat diri mereka semula bagaimana watak dan perilaku mereka sendiri”.*

- **Menjaga maruah penutur dan pendengar**
 - **Elak konflik**

Bodoh-bodoh sepat, tidak makan pancing emas

Maksud: Biar pun bodoh, dapat juga memilih mana yang baik dan mana yang buruk.

(Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, 2016: 50)

Walaupun seseorang itu bodoh, tetapi dia masih tahu memilih yang mana baik atau yang mana buruk untuk dirinya.

Bodoh sepat

Maksud: Nampaknya bodoh, sebenarnya tidak.

(Kamus Dewan Perdana, 2020: 308)

Walaupun jodoh belum dapat.

Jangan sungkan janganlah rimas;

Walaupun bodoh seperti sepat,

Tidak termakan pancing emas.

(Mohamed Naim Daipi, 2018)

PENYATUAN

- Penggunaan metafora seperti frasa ***peperangan menentang musuh, Virus COVID-19 adalah musuh kita bersama*** dan ***sekutu kepada virus ini*** yang digunakan untuk menjelaskan dan memerihalkan isu pandemik.
- Penggunaan metafora untuk mengkonsepsikan entiti yang abstrak dan bersifat implisit dalam menjelaskan sesuatu konsep yang kompleks, rumit dan baharu.
- **PEMBASMIAN COVID-19 ADALAH PEPERANGAN**
- **COVID-19 ADALAH MUSUH**



“ PADA HAKIKATNYA, PEPERANGAN MENENTANG MUSUH YANG TIDAK KELIHATAN INI MASIH BELUM TIBA KE PENGHUJUNGNYA. VIRUS COVID-19 ADALAH MUSUH KITA BERSAMA, NAMUN HARUS DIINGATKAN KELALAIAN DAN SIKAP AMBIL MUDAH MASYARAKAT ADALAH SEKUTU KEPADA VIRUS INI.

DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH ■
KETUA PENGARAH KESIHATAN

PELESTARIAN METAFORA MELAYU

- Isu dan Cabaran Pelestarian:
- Metafora – isu lapuk – ketinggalan zaman – persepsi masyarakat, pengguna bahasa.
- Tidak dianggap sebagai satu kemahiran bahasa.
- Generasi muda tidak faham, tidak tahu guna dan kurang mahir (lisan dan tulisan), sukar diingat.
- Cara atau kaedah pembelajaran kurang efektif – pelajar bosan – belajar hanya untuk lulus peperiksaan.

Langkah Pelestarian Metafora Melayu

- Penggunaan Peribahasa Melayu di Media Massa

*Kerajaan PN **ibarat 'itik tempang'** - Rafidah Aziz*

*Puad Zarkashi jangan jadi **batu api**, hentikan **percakaran dalam parti** - KB Kuala Krai*

*Ahli Parlimen Pembangkang dakwa kerajaan **'matikan' kesuburan demokrasi***

***'Henti perang politik, fokus perang COVID-19 demi rakyat'** - Penganalisis politik*

*Malaysia **belum rebah**, jauh sekali dari kalah - Tengku Zafrul*

*Atasi ego besar **'naga-naga tua'** dengan idea radikal*

*Kerjasama rakyat **kunci kejayaan** Perlis beralih ke Fasa 3 PPN - MB*

*ESCAPE Cameron Highlands dijangka **hidupkan semula industri pelancongan** domestik Malaysia*

*COVID-19: Pulau Redang **'rindu' kehadiran pelancong***

*Jual ubat Ivermectin: 'KKM, MCMC **jangan lepas tangan'** - Persatuan Farmasi Malaysia*

*Tokyo 2020: Jurulatih berbasikal trek negara rimas **diintai dua pencabar utama***

*Tokyo 2020: 'Boleh kami dapat dua emas?' - Acara olahraga **lakar sejarah manis***

*Tokyo 2020: Rangkuman pencapaian kontinjen Malaysia, pingat pertama badminton **lonjak semangat atlet***

*Nur Dhabitah teruja mulakan **misi buru pingat sulung** di Tokyo*

*Malaysia komited **perangi jenayah pemerdagangan orang***

*Judi dalam talian: Polis tahan 28 individu ketika leka **'memancing' mangsa***

(Sumber: <https://www.astroawani.com/>)

Strategi Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan media sosial rasmi *Facebook*

Peribahasa

Bau busuk tidak berbangkai

Maksud

Celaan (fitnah dan sebagainya) yang tidak benar.



Sumber:
Kamus Istimewa Peribahasa Melayu
DBP, 2016



@DBPMalaysia

jendelaDBP.my

Projek Inovasi Pensyarah dan Pelajar Program LG241 Bahasa Melayu Komunikasi Profesional

- iPeM – Peribahasa Melayu Interaktif
- iPeMelodi – Peribahasa Melayu Interaktif Bermelodi

PENGENALAN

Peribahasa ialah satu manifestasi budaya yang dicipta dan disampaikan secara kreatif. Peribahasa merujuk kepada ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu seperti bidalan, pepatah, perumpamaan dan simpulan bahasa. Projek iPeM ini merupakan satu inisiatif dalam melestarikan peribahasa Melayu melalui pendokumentasian secara multimedia. Projek ini merupakan satu usaha yang sejajar dengan hasrat kerajaan dalam memelihara dan memulihara nilai warisan dan budaya Melayu yang terkandung dalam peribahasa. Ia berpotensi untuk dikomersialkan menerusi aplikasi atas talian bagi memastikan kelestarian peribahasa ini untuk generasi muda akan datang.

PERNYATAAN MASALAH

Peribahasa bersifat figuratif serta memiliki makna tersirat yang sukar untuk difahami oleh pengguna bahasa. Kesukaran ini juga seiring dengan perubahan masa yang menyebabkan peribahasa sering dilupakan dan jarang digunakan sewaktu berkomunikasi.

OBJEKTIF

Projek iPeM menggunakan Model ADDIE (*Analysis, Design, Development, Implimentation, Evaluation*) sebagai asas kepada reka bentuk pembelajaran berbandukan komputer khusus kepada golongan pengguna sasaran iaitu golongan pelajar pra-universiti, para pelajar pra-siswazah dan pelajar-pelajar asing yang berminat untuk mempelajari dan memahami peribahasa Melayu.

REKA BENTUK PEMBELAJARAN (MODEL ADDIE)



Rajah 1: Paparan Muka Hadapan



Rajah 2: Paparan Panduan Navigasi



Rajah 3: Paparan Halaman Utama



Rajah 4: Paparan Video Lakonan Peribahasa

KEGUNAAN

Reka bentuk pembelajaran dilakukan bagi memastikan pengguna iaitu golongan sasaran akan dapat:

- mengetahui definisi dan konsep peribahasa Melayu
- memahami maksud sebenar peribahasa Melayu
- membezakan penggunaan peribahasa Melayu mengikut konteks situasi dan tema
- mendokumentasikan peribahasa Melayu secara multimedia dan bersifat interaktif

RUJUKAN

Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 England, E. & Finley, A. 2011. *Interactive Media— What's that? Who's involved?*. Diopail pada 30 Julai 2018 daripada http://www.atsj.com.uk/interactive_media.pdf.
 Muhamad Izuan Abd Gani. (2016). Model addie dalam proses reka bentuk modul pengajaran: Bahasa arab tujuan khas di Universiti Sains Islam Malaysia sebagai contoh. Diopail pada 30 Julai 2018 daripada https://www.researchgate.net/publication/280794387_MODEL_ADDIE_DALAM_PROSES_REKA_BENTUK_MODUL_PENGAJARAN_BAHASA_ARAB_TUJUAN_KHAS_DI_UNIVERSITI_SAINS_ISLAM_MALAYSIA_SEBAGAI_CONTOH
 Siti Suriani Othman & Mohd Firdaus Amran. (2017, 9 Julai). E-learning lonjak generasi muda minds konvergen. *Berita Harian Online*. Diopail pada 30 Julai 2018 daripada <https://www.bharuan.com.my/research/maka10/2017/07/300382/e-learning-lonjak-generasi-muda-minds-konvergen>
 Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Itin mangarang Melayu / Zainal Abidin Ahmad (Zaba)*, dengan pengantar oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

NOVELTI & NILAI KOMERSIAL

- Pendokumentasian peribahasa Melayu mutakhir ini berbentuk teks digital, buku peribahasa, kamus peribahasa dan CD-ROM seperti yang dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan beberapa penerbit buku yang lain. Contoh:



- Seiring dengan Revolusi Industri 4.0, pendokumentasian peribahasa Melayu perlu dilakukan secara multimedia interaktif yang bersifat *mobile*.
- Projek iPeM berfokus kepada reka bentuk pembelajaran berbandukan komputer.
- Projek iPeM dalam bentuk media interaktif dan audio visual ini juga akan lebih menarik minat pengguna untuk mengingati dan mempelajari peribahasa Melayu secara efektif dan komprehensif.

iPeMelodi: PERIBAHASA MELAYU INTERAKTIF BERMELODI

Rozaimah Rashidin (PhD), Siti Naziatul Haziqah Muhamad Nasir, Muhammad Luqman Haqim Mohd Jalaluddin, Saidatul Sabariah Remali & Noor Izzatul Arjuna @ Hassan & Nor Diyana Saupi
 Entiti Kecemerlangan LinGKom, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, SELANGOR

PENGENALAN

Peribahasa ialah manifestasi budaya yang dicipta dan disampaikan secara kreatif. Peribahasa merujuk kepada ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu seperti bidalan, pepatah, perumpamaan dan simpulan bahasa. Projek iPeMelodi ini merupakan satu inisiatif dalam melestarikan peribahasa Melayu melalui pendokumentasian secara multimedia untuk membantu pelajar memahami dan mengingati peribahasa dengan lebih mudah secara interaktif dengan menggunakan link dan lagu (bermelodi) yang mengandungi peribahasa. Projek ini merupakan satu usaha yang sejajar dengan hasrat kerajaan dalam memelihara dan memulihara nilai warisan dan budaya Melayu yang terkandung dalam peribahasa. Ia berpotensi untuk dikomersialkan menerusi aplikasi atas talian bagi memastikan kelestarian peribahasa ini untuk generasi muda akan datang. Seiring dengan Revolusi Industri 4.0, pendokumentasian peribahasa Melayu perlu dilakukan secara multimedia interaktif yang bersifat *mobile*. Projek iPeMelodi dalam bentuk media interaktif dan audio visual ini juga akan lebih menarik minat pengguna untuk mengingati dan mempelajari peribahasa Melayu secara efektif dan komprehensif.

PERNYATAAN MASALAH

- Peribahasa bersifat figuratif serta memiliki makna tersirat yang sukar untuk difahami oleh pengguna bahasa. Kesukaran ini juga seiring dengan perubahan masa yang menyebabkan peribahasa sering dilupakan dan jarang digunakan sewaktu berkomunikasi.
- Para pelajar Tahun 4 hingga Tahun 6 terbatas untuk memahami dan mengingati peribahasa yang tersenaraikan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) kerana unsur peribahasa ini terangkum dalam soalan peperiksaan UPSR, iaitu dalam Kertas Perahaman 011 (Tatabahasa).

KEGUNAAN

Reka bentuk pembelajaran dilakukan bagi memastikan pengguna iaitu golongan sasaran akan dapat:

- mengetahui definisi dan konsep peribahasa Melayu
- memahami maksud sebenar peribahasa Melayu
- membezakan penggunaan peribahasa Melayu mengikut konteks situasi dan tema
- mendokumentasikan peribahasa Melayu secara multimedia dan bersifat interaktif

REKA BENTUK PEMBELAJARAN



Rajah 1: Paparan Muka Hadapan



Rajah 2: Paparan Topik Pembelajaran



Rajah 3: Contoh Paparan Pembelajaran Interaktif



LINK 1: MELODI SIMPUL BAHASA
 Mari lagi dengan bersama
 Tepak tangan dengan gemilang
 Hentak lagi tepak bersama
 Lagi riadai untuk semua
 Orang dahulu pernah berkata
 Jangan jadi tali karat
 Menjual besi yang tidak baik
 Berjual jahan tidak seikh
 Kita tetap mesti gemilang
 Jettah orang berguna, disialkan
 Agar sah jadi bangkai bernyawa
 Ketak dibenci oleh semua
 Bertambah ajar dalam hidup
 Usahlah mengaj, jajar selau
 Atak lencu tidak ke mana
 Kerana muslihat diit memana
 Penulis Lirik: Saidatul Sabariah Remali & Rozaimah Rashidin
 Komposer: Norwati Hadi Kusuma Maayudi



LINK 2: MELODI PERUBAHAN
 Wahai teman dengan pesanan
 Jangan pernah berbalik dua
 Kelak akan jadi peribahasa
 Agar sentiasa dikasihni Tuhan
 Adah-adah selalu dijang
 Dahan diri malin keluar
 Baik buruk orang mengata
 Kerana itu modul mereka
 Jangan magah dalam senghata
 Tiak ada perkara sempurna
 Sialah siapa yang jadi sial
 Sepandai-pandai lupul melengkap atibnywa
 Jutah ke tanah jua
 Merah diri perlu di ubasa
 Usah lupa jaga nama
 Kerana nia melah rosak masa selangka
 Satu elap, labakan di lapa
 Jangan leka dalam berkata
 Khasiat terlahak dalam bicara
 Sila lala mengandungi senghata
 Sebab pulut santan busasa,
 sebab malu badan busasa
 Penulis Lirik: Saidatul Sabariah Remali & Noor Izzatul Arjuna @ Hassan
 Komposer: Norwati Hadi Kusuma Maayudi



LINK 3: MELODI PEPAAT
 Orang dahulu pernah berkata
 Jangan pernah berbalik dua
 Kelak akan jadi peribahasa
 Bagi diri dan juga keluar
 Adah-adah selalu dijang
 Dahan diri malin keluar
 Baik buruk orang mengata
 Kerana itu modul mereka
 Jangan magah dalam senghata
 Tiak ada perkara sempurna
 Sialah siapa yang jadi sial
 Sepandai-pandai lupul melengkap atibnywa
 Jutah ke tanah jua
 Merah diri perlu di ubasa
 Usah lupa jaga nama
 Kerana nia melah rosak masa selangka
 Satu elap, labakan di lapa
 Jangan leka dalam berkata
 Khasiat terlahak dalam bicara
 Sila lala mengandungi senghata
 Sebab pulut santan busasa,
 sebab malu badan busasa
 Penulis Lirik: Saidatul Sabariah Remali & Noor Izzatul Arjuna @ Hassan
 Komposer: Norwati Hadi Kusuma Maayudi

ANUGERAH DAN PENGKIRAFAN



RUJUKAN

Azrah Ahmad & Rozaimah Rashidin (2010). Terjemahan "air" dalam peribahasa Melayu-Inggeris: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Linguistik 13* (8): 1-12.
 Asmah, Rozaimah Abdulah & Ibrahim Adam. (2016). *Bidal Sarbanan*. Kampus Jengkor: Peribahasa Jengkor: Petaling Jaya, Selangor: Saabadi Sdn.Bhd.
 Asmah Haji Omar. (2008). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 England, E. & Finley, A. 2011. *Interactive Media— What's that? Who's involved?*. Diopail pada 30 Julai 2018 daripada http://www.atsj.com.uk/interactive_media.pdf.
 Muhamad Izuan Abd Gani. (2016). Model addie dalam proses reka bentuk modul pengajaran: Bahasa arab tujuan khas di Universiti Sains Islam Malaysia sebagai contoh. Diopail pada 30 Julai 2018 daripada https://www.researchgate.net/publication/280794387_MODEL_ADDIE_DALAM_PROSES_REKA_BENTUK_MODUL_PENGAJARAN_BAHASA_ARAB_TUJUAN_KHAS_DI_UNIVERSITI_SAINS_ISLAM_MALAYSIA_SEBAGAI_CONTOH
 Rozaimah Rashidin & Norita Daud (2009). Unsur perkembangan dalam bahasa Melayu: Satu analisis berdasarkan. *Jurnal Anwar*, www.anwar.edu.my/UploadContent_UploadFile_TheUser=3385766.
 Siti Suriani Othman & Mohd Firdaus Amran. (2017, 9 Julai). E-learning lonjak generasi muda minds konvergen. *Berita Harian Online*. Diopail pada 30 Julai 2018 daripada <https://www.bharuan.com.my/research/maka10/2017/07/300382/e-learning-lonjak-generasi-muda-minds-konvergen>
 Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Itin mangarang Melayu / Zainal Abidin Ahmad (Zaba)*, dengan pengantar oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Contoh Peribahasa Bermelodi



LIRIK 1: MELODI SIMPULAN BAHASA

Mari tepuk tangan bersama
Tepuk tangan dengan gembira
Nyanyi lagu rentak bersama
Lagu nasihat untuk semua

Orang dahulu pernah berkata
Jangan jadi tali barut
Membuat kerja yang tidak baik
Berbuat jahat tidak serik

Kita hidup mesti gembira
Jadilah orang berguna, disukai sentiasa
Agar tak jadi bangkai bernyawa
Kelak dibenci oleh semua

Sentiasalah jujur dalam hidup
Usahlah menipu, jujur selalu
Akal kancil tidak ke mana
Kerana muslihat diri merana

Penulis Lirik: Saidatul Sabirah Remali & Rozaimah Rashidin

Komposer: Norestu Hadi Kusuma Masyudi

KESIMPULAN

- Metafora Melayu ialah lambang leluhur bahasa, budaya dan warisan bangsa.
- Bahasa dan persuratan acuan sendiri, cerminan emosi, pemikiran dan jati diri bangsa iaitu satu bangsa yang bebas merdeka.
- *Hilang bahasa, hilanglah bangsa! Hilang bangsa, hilanglah budaya, mungkin hilang juga agama.* (Abdullah Hassan, 2021)
- *Bahasa dan pemikiran saling mempengaruhi. Sekali kita kehilangan bahasa, cara kita berfikir juga akan terkesan. Kaedah pemikiran akan berubah.* (Syed Ali Tawfik Al-Attas, 26 Mei 2018)